



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 16 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	SEDIA HADAPI KESAN DARIPADA CUACA PANAS	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/15/sedia-hadapi-kesan-daripada-cuaca-panas	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.theborneopost.com/2024/04/15/bekenu-constituents-all-prepared-for-hot-season/	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	KANAK-KANAK 3 TAHUN MAUT JATUH BANGUNAN	
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/15/kanak-kanak-3-tahun-maut-jatuh-bangunan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/15/kanak-kanak-maut-terjatuh-dari-tingkat-dua-bangunan	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://suarasarawak.my/kanak-kanak-3-tahun-meninggal-dunia-jatuh-tingkat-dua-bangunan/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	LELAKI DERA ISTERI GUNA CECAIR LILIN PANAS DITAHAN POLIS	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1235064/lelaki-dera-isteri-guna-cecair-lilin-panas-ditahan-polis	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-ugut-bunuh-isteri-dera-guna-lilin-ditahan-polis-466488	ASTROAWANI.COM
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/lelaki-dera-isteri-guna-cecair-lilin-panas-ditahan-polis-x8wur06	ASTROAWANI.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2288289	BERNAMA.COM
	https://thesun.my/cerita/lelaki-ugut-bunuh-isteri-dera-guna-lilin-ditahan-polis-KD12331830	THESUN.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=e2hK6LJ_Rc0	YOUTUBE



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
4	AMANG SEKSUAL: "SAYA HANYA LAKUKAN DEMONSTRASI" - TERTUDUH	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/amang-seksual-saya-hanya-lakukan-demonstrasi-tertuduh-466428	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1234944/abang-tak-mengaku-amang-seksual-adik-perempuan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2288159	BERNAMA.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=pW2A2i60sz0	YOUTUBE
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080197/abang-tak-mengaku-laku-amang-seksual-terhadap-adik	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/15/bekas-banduan-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-adik-kandung/	KOSMO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=ADELtfu2Ocg	YOUTUBE
	https://www.sinarharian.com.my/article/659605/berita/semasa/saya-hanya-lakukan-demonstrasi#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY
	https://ohmymedia.cc/amang-seksual	OHMYMEDIA.CC
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/banduan-didakwa-atas-pertuduhan-amang-seksual-ke-atas-adik-kandung/	UTUSAN.COM.MY
	https://thesun.my/cerita/bekas-banduan-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-adik-kandung-GD12330042	THESUN.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=kKqvdF_Vy_8	YOUTUBE
	https://malaysiagazette.com/2024/04/15/bekas-banduan-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-adik-kandung/	MALAYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	PENGANGGUR TAK MENGAJU UGUT PUKUL ADIK DENGAN BESI, KACA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080181/penganggur-tak-mengaku-ugut-pukul-adik-dengan-besi-kaca	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=gK--XR22x2w	YOUTUBE
	https://www.sinarharian.com.my/article/659592/berita/semasa/abang-didakwa-ugut-pukul-adik-guna-besi-kaca	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/15/penganggur-didakwa-ugut-adik-perempuan/	KOSMO.COM.MY



TAJUK : CABARAN PEMANDU WANITA JADI PENEMAN WARGA EMAS, OKU

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 APR 2024

M/SURAT : 22

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK



Suhana menemani pesakit mendapatkan rawatan di pusat perubatan.



Jumiah ketika membantu pesakit yang sedang mendapatkan rawatan.

Cabaran pemandu wanita jadi peneman warga emas, OKU

Khidmat unik perlu kemahiran, kesabaran tinggi temani pelanggan ke pusat perubatan

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mungkin ramai yang berasakan memandu kereta adalah tugas mudah yang boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja.

Bagaimanapun, ada juga sesetengah orang meskipun memiliki lesen memandu namun jika tiada keberanian dalam diri, sudah pasti stereng kereta pun tidak sanggup dipandang.

Berbeza pula dengan mereka yang memandu untuk mencari pendapatan, banyak cabaran yang perlu ditempuh dan dihadapi setiap hari. Apatah lagi bagi seorang wanita, cabaran itu berganda dengan perlu memikirkan keadaan rumah, anak-anak, suami dan kerja rumah yang setia menanti.

Namun bagi segelintir wanita, mereka memilih kerjaya sebagai pemandu dan menariknya ia khusus untuk penumpang wanita sahaja selain turut berperanan menemani wanita warga emas atau Orang Kurang Upaya (OKU) ke mana-mana destinasi terutama ke pusat perubatan.

Perkhidmatan unik itu dise-

diakan oleh Jom Makcik iaitu penyedia perkhidmatan pemandu wanita dan peneman yang sudah bertapak di negara ini sejak 2018.

Ibu kepada tiga anak Suhana Abdullah Shukor, 57, berkata dia sudah lebih lima tahun menjadi pemandu dan peneman menerusi perkhidmatan itu.

Katanya, dia mengetahui mengenai perkhidmatan itu daripada rakan-rakan dan mendapat galakan daripada mereka untuk menyertainya.

Malah, kongsinya ia juga adalah idea daripada anak kedua yang mengalakkannya bekerja bagi mengisi masa lapang serta menambah pendapatan selepas kematian suami pada 2019.

Anak pemberi semangat

"Walaupun pada mulanya anak-anak lain risau saya ingin menjadi pemandu, namun akhirnya mereka bersetuju, malah sering memberi semangat.

"Selain berkhidmat sebagai pemandu, saya turut bertugas sebagai peneman, jadi peneman ini memerlukan seseorang itu mempunyai kemahiran kerana selalunya kami bertugas menemani warga emas atau OKU ke pusat perubatan.

"Kebanyakan mereka pula kurang sihat dan berkeperluan khas, ada yang berkerusi roda, jadi memang perlu mempunyai kemahiran untuk mengendalikan mereka," katanya.

Suhana yang menyediakan perkhidmatan itu sekitar Lembah Klang berkata, dia bersyukur kerana pada 2022 dia berpeluang menyertai kursus berkaitan kemahiran itu.

Malah kongsinya, dia turut menyertai kursus bantuan kecemasan dari Institut Jantung Negara (IJN) dan Kursus Penjagaan Warga Emas kelolaan Universiti Putra Malaysia (UPM), membuatkannya semakin yakin mengendalikan golongan berkenaan.

"Mungkin menjadi pemandu mudah kerana hanya perlu menghantar seseorang sehingga tiba ke destinasi dengan selamat.

"Namun, menjadi peneman tidak mudah kerana perlu juga mempunyai kesabaran yang tinggi kerana perlu berhadapan pelbagai ragam pesakit," katanya.

Menceritakan pengalamannya sebagai seorang peneman, Suhana berkata ketika pandemik COVID-19, dia pernah menemani seorang pesakit kanser dari pagi sehingga petang di hospital.

Malah, dia turut ikut menemani pesakit berjumpa doktor dan mendengar apa yang diperkatakan sebelum menyampaikan semua butiran itu kepada keluarga pesakit.

"Jadi bagi saya, tugas sebagai peneman memang tidak boleh dipandang sebelah mata, kerana kami ibarat 'keluarga' kepada pesakit, menggantikan keluarga sebenar yang tidak dapat menemani mereka.

"Sebagai seorang wanita dan juga ibu, saya sangat berbangga dengan kerjaya ini kerana dapat membantu memudahkan urusan ramai warga emas terutama golongan wanita," katanya.

Justeru, dia amat berharap lebih ramai wanita mencubai bidang kerjaya ini kerana keunikan perkhidmatan yang diberikan.

"Sebagai seorang wanita dan juga ibu, saya sangat berbangga dengan kerjaya ini kerana dapat membantu memudahkan urusan ramai warga emas terutama golongan wanita"

Suhana Abdullah Shukor



Cari pekerjaan fleksibel

Sementara itu, bagi Jumiah Buang, 53, beliau sudah menyertai perkhidmatan itu sejak ia diperkenalkan pada 2018 lagi.

Katanya, ketika itu dia baru berpindah dari Johor ke Ampang atas faktor mahu berdekatan dengan anak kedua yang ketika itu menanggung pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ibu kepada enam anak itu berkata, sebelum ini dia bekerja sebagai pembantu peribadi namun berhenti kerja selepas kematian suami pada 2015.

"Oleh kerana sudah biasa bekerja, saya cuba mencari pekerjaan yang fleksibel dan tidak sangka terjumpa perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jom Makcik.

"Saya kemudian mendaftar dan bersyukur kerana tidak mendapat sebarang halangan dari-

pada anak-anak," katanya.

Jumiah yang kini menetap di Ampang berkata, dia tidak menyangka menjadi pemandu membuatkannya semakin berani.

Hal ini katanya disebabkan tugas sebagai pemandu memerlukan menghantar pelanggan ke mana sahaja dan pada bila-bila masa.

"Menghantar pelanggan wanita seawal pagi terutama ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) itu adalah perkara biasa.

"Namun oleh kerana jadual tugasan sudah diperoleh awal, jadi mudah untuk membahagikan masa antara kerja dan keluarga," katanya.


Selain itu katanya, dia juga perlu sentiasa bersedia menghantar pelanggan ke lokasi yang ada kalaupun dia sendiri tidak tahu.

"Saya pernah menghantar pelanggan ke Sabak Bernam pada jam 4 pagi dan dalam keadaan hujan lebat dan jalan gelap.

"Namun, itu bukan halangan untuk meneruskan kerjaya kerana saya sentiasa bersedia mental dan fizikal untuk ke mana-mana lokasi sekali pun," katanya yang pernah menghantar pelanggan sehingga ke Johor.

Jumiah berkata, selain sudah mengikuti dua kursus yang disediakan sebelum ini, sebagai inisiatif meningkatkan kemahiran dan kini sedang mengambil Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam kursus penjagaan warga tua.

Katanya yang akan tamat pengajian empat bulan lagi, dengan adanya sijil berkenaan, dia akan lebih yakin untuk mengendalikan pesakit berkeperluan khas.



TAJUK : DISABLE WORKERS ADD SPECIAL TOUCH TO TAPAI BOUTIQUE'S BATIK PRODUCTS

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 16 APR 2024

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Disabled workers add special touch to TAPAI Boutique's batik products

MARANG: The TAPAI Boutique at Wakaf Tapai here has provided an opportunity to seven persons with disabilities (PwD) to hone their skills in producing batik products.

With guidance from five teachers from the Wakaf Tapai Community Rehabilitation Organisation (PPDK) and two special teachers who successfully implemented the Economic Empowerment Programme by the Social Welfare Department (JKM) for PwDs, one male worker and six female workers aged 20 to 41 diligently craft the products ordered by customers.

According to TAPAI manager Wan Nur Akmal Wan Ibrahim, she has been managing the boutique since 2017 after receiving a one-off grant of RM18,000 from JKJ to further enhance the Economic Empowerment Project, specifically for sewing work.

"With that allocation, we began purchasing sewing machines and raw materials such as batik to produce handmade batik bags. At that time, TAPAI operated with five workers with disabilities like learning disabilities, deaf, mute and physical impairment. Now, we also have workers with Down syndrome and autism.

"Now we have seven workers daily, with five of them being trainees from the Wakaf Tapai PPDK, one who is mentally impaired and one from the Integrated Special Education Programme (PPKI) from a nearby school," she told Bernama.

Wan Nur Akmal said all the workers, including scheduled



Wan Nur Akmal shows some of the exclusive batik bags produced by the PwD staff of Wakaf Tapai.

workers and five TAPAI graduates working from home, had shown positive development in terms of working and social skills and could generate their own income.

She said that initially, they could only complete one pencil box a day but, with continuous training, some of them can produce 30 batik bags a day.

"They also have the courage to talk to outsiders. Some even do 'live' presentations to sell the TAPAI products on their personal TikTok applications during work and there are viewers who buy them," she said.

On TAPAI's success, she said their products achieved outstanding sales at the Global Village in Dubai for six months in 2022 as a result of government initiatives as well as foreign ambassadors in Malaysia who stopped by the boutique to buy batik products to take back to

their countries.

Thirty-three-year-old Siti Zulaikha Abd Muin, who was born with physical impairment, said the experience of working at the boutique since 2017 has helped her to have more belief in herself.

She said that she began her career in TAPAI without any sewing skills but, through the continuous support of the teachers and her family, she has produced many bags.


Meanwhile, 23-year-old Nurul Syakirah Ahmad Jais, who was born with dwarfism, began working at TAPAI after completing the Sijil Pelajaran Malaysia examination in 2019 and can now expertly produce various types of bags, including handbags, mini pouch bags, ketupat bags and coin purses.

"I intend to set up my own business in the future," she said.

— Bernama



Wan Nur Akmal observes Nurul Syakirah at work at Wakaf Tapai. — Bernama photos



TAJUK : HOPE PLACE DELIVERS AID TO SINGLE MUM OF FIVE

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 16 APR 2024

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Hope Place delivers aid to single mum of five



Lim How Pim
limhp@theborneopost.com

KUCHING: Hope Place Kuching is lending a helping hand to a single mother of five striving to bring enough food to the table.

Rohana Sahari, 42, and her lot are living in Kampung Bukit Kudi in Petra Jaya here.

She is unable to serve as a full-time employee as she has to take care of her youngest child.

"Rohana has children aged between three and 20.

"Her eldest is in college in Kuala Lumpur, while three others are in school.

"With a three-year-old at home, Rohana is unable to work full time.

"She earns a living by being a babysitter and a part-time cleaner, which only provides her a meagre monthly earning of about RM500.

"Nevertheless, Rohana always makes sure all her children would do well in school.

"Despite her struggles, she still keeps her home neat and tidy," said Hope Place in a statement yesterday.

The non-governmental organisation (NGO) commended Rohana for always being resourceful and positive in facing the situation.

"If there's not enough money or food at home, I'd go to the nearby stream to fish.

"If the weather's good, I'd go

out and collect wild vegetables," Rohana told the Hope Place team during a recent visit.

Rohana's eldest daughter, Dayang, is studying early childhood education in Kuala Lumpur.

"Understanding her mother's struggle, Dayang is also independent and resourceful. In order to pay for her hostel and daily food, the young woman works part-time while studying.

"This week, back home for Aidilfitri holidays, Dayang enjoyed making festive cookies with her mother.

"Although being frugal, Rohana wanted to make sure that her children would have a happy celebration," said Hope Place.

Rohana's second daughter, age 17, hoped to follow Dayang's footsteps.

"Finishing Form 5 this year, she had expressed her wish to further her studies.

"Rohana has applied for social welfare assistance and is waiting for an approval," said the NGO.

Hope Place is supporting Rohana's family through the supply of basic food aid and also milk formula for the single mother's youngest child.

The NGO welcomes all donations and will issue receipts upon request.

Individuals can donate directly to Hope Place Maybank account 511289001160, or go to its Facebook page for the S Pay Global QR code.

For more information, call Hope Place on 082-505 987.



Hope Place representative Griffin Deng (left) with Rohana and her children.



TAJUK : SEDIA HADAPI KESAN DARIPADA CUACA PANAS

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 16 APR 2024

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Sedia hadapi kesan daripada cuaca panas

Penduduk dalam kawasan DUN Bekenu diminta bersiap sedia berdepan masalah bekalan air, kebakaran terbuka

Oleh Steve Annuar

MIRI: Penduduk dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bekenu diminta bersiap sedia berdepan masalah bekalan air dan kebakaran terbuka kesan daripada cuaca panas sekarang.

bekalan air," jelas beliau kepada pemberita semasa kunjungan Hari Raya Aidilfitri Premier Sarawak ke kediamannya semalam.

Beliau memberitahu, sehingga kini terdapat 112 kampung dan rumah panjang dalam kawasan DUN Bekenu.



ROSEY

“Kerana ada tempat kita masih sukar dan kedudukannya agak jauh sedikit dan kita khawatir nanti akan berhadapan dengan masalah air.”

Datuk Rosey Yunus
ADUN Bekenu

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bekenu Datuk Rosey Yunus berkata, beberapa agensi termasuk Pejabat Daerah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia menghadapi masalah kemarau.

Rosey berkata, catuan air akan dilaksanakan sekiranya masalah bekalan air berlaku di kawasanya.

“Kerana ada tempat kita masih sukar dan kedudukannya agak jauh sedikit dan kita khawatir nanti akan berhadapan dengan masalah air.”

“Maksudnya mungkin akan berlaku catuan air, jadi maknanya kita akan menghadapi masalah dari segi

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak itu mengingatkan penduduk untuk kerap menakung air agar tidak berdepan kesukaran apabila masalah bekalan air berlaku.

Rosey meminta kerjasama penduduk untuk tidak melakukan pembakaran terbuka dan memainkan peranan mereka memadam kebakaran kecil berdekatan kediaman.

“Jika kita tidak jaga, ia (api) akan melarat. Tambahan lagi dengan angin yang kencang, ia akan melarat.”

“Jadi, dua perkara ini (masalah air dan kebakaran) kita harus ambil perhatian,

terutama kepada masyarakat kita,” jelasnya.

Mengulas tentang sasaran menjadikan Gua Niah sebagai Tapak Warisan Dunia, Rosey berharap pengiktirafan itu akan menjadi realiti sekali gus menjadi kebanggaan penduduk Niah.

Beliau berkata, banyak persiapan dan siri temu ramah telah diadakan untuk memenuhi kriteria diperlukan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Kejayaan itu akan menjadi sejarah penting untuk kawasan dan penduduk di Niah dan pengiktirafan itu akan memastikan gua tersebut dipulihara dengan baik.



Sedia hadapi kesan daripada cuaca panas

© 2024-04-15T18:25:43+08:00

Penduduk dalam kawasan DUN Bekenu diminta bersiap sedia berdepan masalah bekalan air, kebakaran terbuka



"Kerana ada tempat kita masih sukar dan kedudukannya agak jauh sedikit dan kita khuatir nanti akan berhadapan dengan masalah air."

Datuk Rosey Yunus

ADUN Bekenu

Oleh Steve Annuar

MIRI: Penduduk dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bekenu diminta bersiap sedia berdepan masalah bekalan air dan kebakaran terbuka kesan daripada cuaca panas sekarang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bekenu Datuk Rosey Yunus berkata, beberapa agensi termasuk Pejabat Daerah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia menghadapi masalah kemarau.

Rosey berkata, catuan air akan dilaksanakan sekiranya masalah bekalan air berlaku di kawasanannya.

"Kerana ada tempat kita masih sukar dan kedudukannya agak jauh sedikit dan kita khuatir nanti akan berhadapan dengan masalah air.

"Maksudnya mungkin akan berlaku catuan air, jadi maknanya kita akan menghadapi masalah dari segi bekalan air," jelas beliau kepada pemberita semasa kunjungan Hari Raya Aidilfitri Premier Sarawak ke kediamannya hari ini.

Beliau memberitahu, sehingga kini terdapat 112 kampung dan rumah panjang dalam kawasan DUN Bekenu.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak itu mengingatkan penduduk untuk kerap menakung air agar tidak berdepan kesukaran apabila masalah bekalan air berlaku.

Rosey meminta kerjasama penduduk untuk tidak melakukan pembakaran terbuka dan memainkan peranan mereka memadam kebakaran kecil berdekatan kediaman.


"Jika kita tidak jaga, ia (api) akan melarat. Tambahan lagi dengan angin yang kencang, ia akan melarat.

"Jadi, dua perkara ini (masalah air dan kebakaran) kita harus ambil perhatian, terutama kepada masyarakat kita," jelasnya.

Mengulas tentang sasaran menjadikan Gua Niah sebagai Tapak Warisan Dunia, Rosey berharap pengiktirafan itu akan menjadi realiti sekali gus menjadi kebanggaan penduduk Niah.

Beliau berkata, banyak persiapan dan siri temu ramah telah diadakan untuk memenuhi kriteria diperlukan Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Kejayaan itu akan menjadi sejarah penting untuk kawasan dan penduduk di Niah dan pengiktirafan itu akan memastikan gua tersebut dipelihara dengan baik.



TAJUK :	TODDLER FALLS TO DEATH FROM SECOND FLOOR OF BUILDING IN SINIAWAN		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	16 APR 2024	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Toddler falls to death from second floor of building in Siniawan

KUCHING: A three-year-old boy was killed after he had fallen from the second floor of a building under construction in Siniawan, near here yesterday. Bau police chief DSP Jawai


Francis Kempas said a call on the incident was received from Bau Hospital Emergency Unit at 2.20pm. "Based on investigation on the child's mother, who is an

Indonesian, it is said that on the same day at around 8.30am, she had brought her son to her husband's workplace at a construction site in Siniawan. "The mother was not aware

that the boy had fallen as she was helping her husband working," said Jawai in a statement late Sunday. The district police chief said the toddler was pronounced

dead by a medical officer from Bau Hospital, and the body was later brought to the Sarawak General Hospital (SGH) for further action. "Early investigation found no

criminal elements in the incident. "Further investigation is being carried out to determine the cause of death," said Jawai, adding that the case had been classified as sudden death.



TAJUK :	KANAK-KANAK BERUSIA TIGA TAHUN MAUT TERJATUH DARI TINGKAT DUA BANGUNAN		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	16 APR 2024	M/SURAT :	01
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Kanak-kanak berusia tiga tahun maut terjatuh dari tingkat dua bangunan

KUCHING: Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun maut selepas dipercayai terjatuh dari tingkat dua sebuah bangunan di Siniawan, Bau, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Bau DSP Jawai Francis Kempas ketika dihubungi berkata, pihaknya menerima panggilan daripada Bahagian Kecemasan Hospital Bau mengenai kejadian tersebut sekitar jam 2.20 petang Ahad (14 April 2024).

Menurutnya, mangsa disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan Hospital Bau.

"Hasil siasatan polis mendapati ibu mangsa yang merupakan warga Indonesia telah membawa mangsa ke tempat kerja suaminya di tapak pembinaan di Siniawan sekitar jam 8.30 pagi Ahad.

"Ibu mangsa tidak menyedari mangsa terjatuh semasa membantu suaminya bekerja," ujar beliau.

Susulan itu katanya, jenazah mangsa telah dibawa ke Hospital Umum Sarawak untuk tindakan selanjutnya.

"Siasatan awal yang dilakukan juga mendapati tiada unsur jenayah dikesan dalam insiden terbabit.

"Sementara itu, siasatan lanjut berhubung kes ini akan diteruskan bagi mengetahui punca kematian mangsa," jelas Jawai.

Kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR).



Kanak-kanak 3 tahun maut jatuh bangunan

Oleh CHERINE JON 15 April 2024, 4:49 pm



Gambar hiasan

BAU – Seorang kanak-kanak lelaki warga Indonesia berusia tiga tahun meninggal dunia selepas dipercayai terjatuh dari tingkat dua sebuah bangunan yang sedang dalam pembinaan, di sini.

Ketua Polis Daerah Bau, Deputy Superintendan Jawai Francis berkata, pihaknya dimaklumkan mengenai kejadian oleh Bahagian Kecemasan Hospital Bau kira-kira pukul 2.20 petang semalam.

Katanya, hasil siasatan polis, ibu mangsa memberitahu telah membawa anaknya ke tempat kerja suaminya di tapak pembinaan di Siniawan kira-kira pukul 8.30 pagi.


“Bagaimanapun, ibu mangsa tidak menyedari anaknya terjatuh semasa membantu suaminya bekerja,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Jawai berkata, mangsa disahkan meninggal dunia oleh Pegawai Perubatan Hospital Bau dan jenazah telah dibawa ke Hospital Umum Sarawak untuk tindakan selanjutnya.

Beliau menambah, siasatan awal dilakukan mendapati tiada unsur jenayah dikesan dalam kejadian berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, siasatan lanjut berhubung kes itu akan diteruskan bagi mengetahui punca kematian mangsa.

Kes setakat ini diklasifikasikan sebagai mati mengejut. – KOSMO! ONLINE



TAJUK : 'HANYA DEMONSTRASI SAJA'

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 APR 2024

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Hidayatidayu
Razali
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Seorang penganggur mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan melakukan amang seksual terhadap adik kandung perempuannya pada 6 dan 8 April lalu.

Tertuduh yang berusia 34 tahun membuat pengakuan itu selepas kertas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Nik Habri Muhammad.

Mengikut pertuduhan pertama tertuduh didakwa melakukan amang seksual bukan fizikal terhadap adik perempuannya yang berusia 17 tahun lima bulan ketika kejadian iaitu memerhati atau mendengar visual aktiviti yang bersifat seksual.

'Hanya demonstrasi saja'

Penganggur didakwa lakukan amang seksual terhadap adik tak mengaku salah



TERTUDUH mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan melakukan amang seksual terhadap adik kandung.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di sini pada jam 10 malam, 6 April 2024.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 15 (c) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh

didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan boleh juga dihukum sebat.

penjara maksimum 10 tahun atau denda tidak lebih RM20,000 atau kedua-duanya.

Pertuduhan kedua, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal dengan memegang tangan mangsa dan lokasi yang sama, jam 11 pagi, pada 8 April 2024.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan boleh juga dihukum sebat.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Siti Edabayu Subhan manakala tertuduh tidak diwakili pe-

guam.

Terdahulu, Siti Edabayu tidak menawarkan sebarang jaminan kepada tertuduh kerana membabitkan abang dengan adik kandung dan mangsa adalah di bawah umur.

Katanya, kejadian itu menyebabkan mangsa trauma dan memohon tarikh untuk serahan dokumen.

Sementara itu, tertuduh merayu supaya mahkamah membenarkan jaminan terhadapnya dan mendakwa dia hanya melakukan demonstrasi.

Mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan 6 Mei depan sebagai sebutan semula kes.



TAJUK : BEKAS BANDUAN DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP ADIK KANDUNG

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 16 APR 2024

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bekas banduan didakwa lakukan amang seksual terhadap adik kandung

KOTABHARU: Baru beberapa hari dibebaskan dari penjara, seorang bekas banduan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua pertuduhan melakukan amang seksual terhadap adik kandungnya.

Lelaki itu yang berusia 34 tahun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Nik Habri Muhamad.

Mengikut pertuduhan pertama tertuduh didakwa melakukan amang seksual bukan fizikal iaitu menyebabkan adik perempuannya berusia 17 tahun memerhati dan mendengar visual aktiviti yang bersifat seksual di sebuah rumah di sini pada 10 malam 6 April lepas.

Pertuduhan dikemukakan di bawah Seksyen 15 (e) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang membawa hukuman penjara maksimum




DIDAKWA: Seorang bekas banduan didakwa di Mahkamah Sesyen semalam atas tuduhan melakukan amang seksual terhadap adik kandungnya pada 6 dan 8 April lepas. — Gambar Bernama

10 tahun atau didenda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Tertuduh juga didakwa melakukan kesalahan amang seksual ke atas mangsa sama di lokasi serupa kira-kira 11 pagi pada 8 April lepas

Lelaki berkenaan dituduh melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan jika sabit kesalahan. — Bernama



Amang seksual: “Saya hanya lakukan demonstrasi” - Tertuduh

Sinar Harian
April 15, 2024 15:00 MYT



Tertuduh (tengah) mengaku tidak bersalah atas tuduhan amang seksual terhadap adik kandungnya. - Foto Sinar Harian

KOTA BHARU: “Saya hanya lakukan demonstrasi.”

Itu alasan diberikan seorang bekas banduan yang didakwa melakukan amang seksual dengan menunjukkan video lucu kepada adik perempuannya yang berusia 17 tahun lima bulan pada 6 dan 8 April lalu.

Penganggur berusia 34 tahun itu turut mengaku tidak bersalah ketika pertuduhan dibacakan terhadapnya di Mahkamah Sesyen, di sini, pada Isnin. Pendakwaan terhadap tertuduh dibuat di hadapan Hakim, Nik Habri Muhammad.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa melakukan amang seksual bukan fizikal iaitu menyebabkan mangsa memerhati atau mendengar visual aktiviti yang bersifat seksual di sebuah rumah di Lorong Tanjung, Jalan Long Yunus dekat di sini pada jam 10 malam 6 April lalu.

Bagi tuduhan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15 (e) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda maksimum RM20,000 atau kedua-duanya.

Mengikut pertuduhan kedua pula, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal ke atas mangsa sama dengan memegang tangan gadis itu di lokasi sama pada jam 11 pagi, 8 April lalu.

Bagi tuduhan kedua, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga dihukum sebat, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Siti Edabayu Subhan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Pada prosiding itu, Siti Edabayu tidak menawarkan jaminan kerana pertalian adik-beradik selain tertuduh dan mangsa tinggal sebumbung.


“Saya tidak mencadangkan jaminan kerana mangsa mengalami trauma dan tertuduh juga baru bebas dari penjara seminggu sebelum Aidilfitri lalu kerana kesalahan memiliki dadah serta mereka tinggal bersama,” katanya.

Lelaki terbabit sebaliknya merayu jaminan ke atasnya dibenarkan kerana dia ingin pulang ke rumah.
“Minta jasa baik mahkamah mempertimbangkan jaminan.

“Saya nak berada di rumah kerana sangat rindu,” katanya.

Nik Habri bagaimanapun tidak membenarkannya dan memberitahu akan membuat pertimbangan lain jika permohonan dibuat secara bertulis selepas ini.

Kes seterusnya ditetapkan untuk sebutan semula, serahan dokumen dan lantikan peguam pada 6 Mei ini.



Lelaki dera isteri guna cecair lilin panas ditahan polis

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri - April 15, 2024 @ 5:35pm
bhnews@bh.com.my



GERIK: Seorang lelaki ditahan polis semalam, selepas dikesan tergamak mengasari isterinya dengan mengikat tangan mangsa dan menitiskan cecair lilin panas pada badan wanita itu.

Ketua Polis Daerah Gerik, Superintendan Zulkifli Mahmood, berkata laporan polis dibuat mangsa berusia 35 tahun itu kira-kira jam 1.35 pagi semalam (Ahad) di Balai Polis Kampung Lalang di sini, mendakwa diugut dan dcederakan suaminya dalam kejadian di Kampung Alai, di sini.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati mangsa didatangi suaminya yang memegang sebilah pisau ketika sedang tidur kira-kira jam 10.30 malam kelmarin, sebelum mengikat kedua-dua tangan mangsa dengan tali dari arah belakang.

Katanya, suspek berusia 42 tahun itu bertindak demikian kerana mendakwa mangsa berlaku curang serta memaksa isterinya mengaku tuduhan itu.

"Suspek turut merentap rantai emas dan gelang tangan dipakai mangsa sehingga terputus, selain turut mengoyakkan baju serta menitiskan cecair lilin pada badan mangsa sambil mengugut untuk membakar isterinya itu. Mangsa bagaimanapun menafikan tuduhan itu," katanya.

Zulkifli berkata, mangsa berjaya meloloskan diri apabila berpura-pura ingin ke tandas dengan meminta suspek membuka ikatan.

"Ketika hendak ke tandas, mangsa menjumpai serangkaian kunci kereta di bahagian dapur rumah sebelum mengambil dan melarikan diri dengan menaiki kereta menuju ke balai polis berhampiran membuat aduan," katanya.

Katanya, suspek berjaya dijejaki serta ditahan sepasukan polis kira-kira jam 8.30 malam tadi (Ahad) di kediamannya juga di Kampung Alai, Gerik serta merampas beberapa barang kes yang dipercayai digunakan suspek.

Beliau berkata, mangsa kemudiannya pergi ke Jabatan Kecemasan Hospital Gerik bagi mendapatkan rawatan dengan kes disiasat mengikut Seksyen 506/323 Kanun Keseksaan iaitu ugutan jenayah.



TAJUK : PENGANGGUR DIDAKWA MAHU PUKUL ADIK DENGAN BESI, KACA

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 APR 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Penganggur didakwa mahu pukul adik dengan besi, kaca

Kota Bharu: Seorang penganggur mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan mahu memukul adik kandungnya dengan besi dan kaca sehingga menimbulkan ketakutan, 5 April lalu.

Haslimi Hasan, 40, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Ahmad Syafik Aizat Nazri.

Dia didakwa melakukan ugutan jenayah dan mendatangkan ketakutan kepada adik perempuannya yang berusia 30 tahun.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di Kampung Tok Dokang Jalan Lorong Kubur Banggol di sini, 3 petang, 5 April lalu.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau dengan kedua-duanya.


Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Aiman Syahmi Yazid manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Muhammad Aiman Syahmi mencadangkan satu jumlah jaminan sebanyak RM5,000 kepada tertuduh.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM4,500 dengan seorang penjamin dan menetapkan 30 Mei depan sebagai tarikh sebutan semula kes untuk serahan dokumen.



HASLIMI tidak mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan jurubahasa di Mahkamah Majistret Kota Bharu, semalam. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR



TAJUK : EX-CONVICT CHARGED WITH SEXUALLY ASSAULTING SISTER

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 16 APR 2024

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ex-convict charged with sexually assaulting sister

KOTA BARU: Only days out of prison, an ex-convict was brought to the Sessions Court here and charged with two counts of sexually assaulting his younger sister.

The 34-year-old man pleaded not guilty to both charges before Judge Nik Habri Muhamad yesterday.

On the first count, he was

charged with committing non-physical assault by causing his 17-year-old sister to watch or hear any representation in whole or in part of persons engaged in sexual activity.

The offence, under Section 15(e) of the Sexual Offences Against Children Act, was allegedly committed in a house here at 10pm on

April 6, Bernama reported.

The accused faces imprisonment of up to 10 years or a maximum fine of RM20,000 or both if found guilty.

He was also charged with committing physical sexual assault on the girl at the same location at about 11am on April 8.

The charge, framed under

Section 14(a) of the same law, provides imprisonment for up to 20 years and whipping upon conviction.

The man was not allowed bail and the court set May 6 for mention.

Deputy public prosecutor Siti Edabayu Subhan prosecuted and the accused was unrepresented.



Penganggur tak mengaku ugut pukul adik dengan besi, kaca

Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my



Kota Bharu: Seorang penganggur mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, hari ini atas pertuduhan mahu memukul adik kandungnya dengan besi dan kaca sehingga menimbulkan ketakutan, 5 April lalu.

Haslimi Hasan, 40, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Ahmad Syafik Aizat Nazri.

Dia didakwa melakukan ugutan jenayah dan mendatangkan ketakutan kepada adik perempuannya yang berusia 30 tahun.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di Kampung Tok Dokang Jalan Lorong Kubur Banggol, di sini, 3 petang, pada 5 April 2024.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau dengan kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Aiman Syahmi Yazid, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Muhammad Aiman Syahmi mencadangkan satu jumlah jaminan sebanyak RM5,000 kepada tertuduh.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM4,500 dengan seorang penjamin dan menetapkan 30 Mei depan sebagai tarikh sebutan semula kes untuk serahan dokumen.



HASLIMI didakwa di Mahkamah Majistret Kota Bharu atas pertuduhan melakukan ugutan jenayah mahu memukul adik kandungnya dengan besi dan kaca di sebuah rumah di Kampung Tok Dokang Jalan Lorong Kubur Banggol. FOTO Nik Abdullah Nik Omar